



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

PENAMAAN ANAK ANGKAT

1. Syariat Islam memerintahkan ummatnya supaya menasabkan seseorang kanak-kanak dengan ibu bapa kandungnya sebagaimana yang dinaskan dalam al-Quran melalui firman Allah ﷻ:

ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ ۚ¹

Maksudnya: "*Panggilah mereka (anak-anak angkatmu) dengan menyebut nama **bapa-bapa mereka.***"

2. Syeikh Wahbah al-Zuhaili berkata: "nasab merupakan penyandar yang paling kukuh yang berdirinya sebuah keluarga. Ia mengikat unit-unit keluarga dengan ikatan atas asas kesatuan darah, dan jujuk pada bahagiannya. Ini kerana anak sejujuk daripada bapanya dan bapa adalah sejujuk daripada anaknya. Ia merupakan nikmat yang agung, kurniaan Allah ﷻ kepada manusia. Justeru, memelihara nasab adalah salah satu daripada maqasid syariah yang lima.²
3. Berdasarkan keterangan di atas, jelas bahawa nasab adalah suatu perkara yang teramat penting dalam kehidupan manusia. Bahkan ia dimuliakan dan hanya boleh disahkan dengan hubungan perkahwinan. Justeru, para ulama seperti Imam al-Ghazali dan Imam al-Syatibi ρ telah meletakkannya sebagai salah satu tujuan Syarak iaitu penjagaan nasab (حفظ النسب), yang juga terkait dengan penjagaan keturunan (حفظ النسل) dan penjagaan maruah (حفظ العرض).

¹ الأجزاء: 5.

² دوكتور وهبة الزحيلي، الفقه الإسلامي وأدلته، 10/7247.

4. Hubungan pengangkatan anak juga perlu dijelas dari awal lagi tentang kedudukan nasabnya bagi mengelak kekeliruan di antara keluarga angkat dan keluarga kandung. Ini kerana, terdapat implikasi yang besar dari aspek nasab, hadanah, perwalian dan pusaka.
5. Oleh yang demikian, seseorang anak yang dilahirkan dalam ikatan perkahwinan yang sah hendaklah dibin atau dibintikan kepada bapa kandungnya sendiri. Manakala **anak tidak sahtaraf samada diikuti dengan pernikahan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau salah satu daripada Asmaul Husna yang lain** selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 26 Julai 2020.

TARIKH KEPUTUSAN : 26 FEBRUARI 2020